

Kekuatan Islam pada umatnya

Kuat atau lemahnya kedudukan agama Islam dalam dunia ini adalah bergantung pada umatnya sendiri, betapa mereka menghadapi tekanan dan cabaran, betapa mereka dapat bersatu padu mempertahankan agama Allah dan betapa kukuhnya hubungan antara masyarakat-masyarakat Islam di berbagai negara.

Kata-kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa dalam dunia yang penuh dengan ancaman ini umat Islam tidak boleh memisahkan diri dengan apa yang berlaku di luar negeri bererti bahawa selain mengukuhkan perpaduan di antara masyarakat Islam tempatan kita perlu juga mengambil berat tentang nasib masyarakat-masyarakat Islam di negara-negara lain seperti di Afghanistan dan di Kampuchea. Pendeknya, nasib umat Islam di mana-mana jua, termasuk di negara kita sendiri, perlu mendapat perhatian setiap umat Islam di negara-negara lain.

Tetapi sebelum itu, tentulah lebih menasabah kalau umat Islam di negara kita bersatu padu dahulu, tidak seperti umat Islam di Afghanistan yang dalam menghadapi musuh yang sama pun, masih belum mencapai kata sepakat. Walau pun mereka terus berjuang untuk menewaskan musuh yang kejam dan buas itu, tetapi perjuangan mereka kebanyakannya bersendirian-sendirian tanpa penyelarasan dan permuafakatan. Kalau seluruh umat Islam Afghanistan telah bersatu padu, mungkin tidak akan muncul Nor Mohamad Tarakki atau Hafizullah Amin atau Babrak Karmal untuk menindas mereka dengan bantuan Soviet Union.

Begitu juga kalau umat Islam Asia Barat betul-betul bersatu dalam persaudaraan Islam yang sebenar-benarnya, Israel tidak mungkin mencapai kejayaan seperti yang telah dicapainya menduduki bumi Arab dan berlagak sombong seolah-olah seluruh Asia Barat itu kepunyaannya.

Oleh itu bila Timbalan Perdana Menteri menyeru umat Islam supaya berusaha menjadikan masyarakat Islam lebih kukuh dapat mempertahankan agama dan umatnya dari berbagai bentuk tekanan dan ancaman, maka beliau tentulah bermaksud Islam di negara ini khasnya dan umat Islam di seluruh dunia amnya.

Misalnya pencerobohan komunis Russia di Afghanistan sepatutnya di anggap sebagai pencerobohan musuh agama terhadap seluruh badan Islam tetapi selain daripada mengutuk pencerobohan itu dan memberi sedikit bantuan sahaja (ada negara Islam langsung tidak memberi apa-apa bantuan) kepada pejuang-pejuang Islam di Afghanistan itu, dunia Islam amnya membiarkannya menjadi satu konfrantasi di antara Moscow dengan Washington. Malah ada pula yang terus hendak bersukan ke Moscow dan berniaga dengan musuh agama itu, sedang hari-hari beratus-ratus orang Islam Afghanistan dibunuhnya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia